



## **SEMBAH UCAPAN ALUAN** **MENJUNJUNG KASIH**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS RAHMAH BERSAMA RAKYAT &  
PENGURNIAAN BANTUAN KEPADA ASNAF  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**26 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**8.00 MALAM**

**DEWAN KONVENSYEN UJANA KEWANGAN,  
WP LABUAN**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Ampun Tuanku,**

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-  
Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan  
Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri  
Agong Tunku Hajah Azizah Aminah  
Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-  
Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

**Ampun Tuanku,**

1. Terlebih dahulu patik menjunjung kasih di atas keberangkatan dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, kerana sudi bercemar duli berangkat ke Majlis Rahmah Bersama Rakyat & Pengurniaan Bantuan Kepada Asnaf Wilayah Persekutuan Labuan pada malam yang cukup bersejarah ini. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua ke majlis ini telah menzahirkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Tuanku berdua terhadap rakyat jelata khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Patik memohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk meraikan tetamu yang hadir dan meneruskan sembah ucapan aluan patik kepada hadirin sekalian.

### ***Salutasi***

*YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan  
Datin Seri Zuraida Husin*

*YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Alhabshee  
Pengerusi MAIWP*

*YBhg. Dato' Sri Haji Amir bin Haji Hussien  
Pengerusi Perbadanan Labuan dan Datin  
Sri Hajah Nor Aziah binti Mohd Radzali*

*YB Datuk Rozman bin Hj Isli  
Ahli Parlimen W.P. Labuan dan YBhg. Datin  
Hazerah Kader*

*YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh  
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP dan Datin  
Hajah Ruslina binti Yusof*

*Tan Sri-Tan Sri, Datuk- Datuk tetamu  
kenamaan*

*Ketua-ketua Jabatan dan Pimpinan  
setempat*

*Yang diraikan rakyat Labuan daripada  
pelbagai bangsa, agama dan kaum  
termasuk golongan asnaf*

*Hadirin hadirat yang dirahmati Allah SWT sekalian*

3. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya juga, kita semua dapat hadir di Majlis Rahmah Bersama Rakyat & Pengurniaan Bantuan Kepada Asnaf Wilayah Persekutuan Labuan bersama pemerintah tertinggi negara yang amat kita sayangi dan kasihi.
  
4. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang memberi ruang dan peluang kepada saya

untuk berucap di majlis yang cukup bermakna ini.

5. Tahniah diucapkan kepada MAIWP yang sentiasa proaktif dan prihatin kepada masyarakat dan rakyat di Wilayah Persekutuan. Pelbagai program telah diadakan. Pada petang tadi, kita telah menyaksikan perasmian sebuah kompleks iaitu Kompleks Darul Kifayah yang memberi manfaat besar kepada anak-anak yatim dan anak golongan asnaf bukan sahaja di Labuan bahkan juga kepada Sabah dan Sarawak.

6. Baru-baru ini di Kuala Lumpur pada 20 Oktober, MAIWP telah mengadakan

Kembara Rahmah Zakat Wilayah Persekutuan Tahun 2019 yang menyaksikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengurniakan bantuan kepada asnaf dan beramah mesra dengan rakyat.

7. Saya mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada MAIWP atas peranan yang telah dimainkan dalam bersama-sama membangunkan sosio ekonomi masyarakat di Wilayah Persekutuan termasuk di Labuan ini.

8. Program yang diaturkan oleh MAIWP pada hari ini menyaksikan lawatan kali pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Labuan yang pastinya menjadi detik manis kepada kita semua.

**YBhg. Tan Sri-Tan Sri/ Dato'-Dato'/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan**

9. Peranan yang telah dimainkan oleh MAIWP akan saling melengkapi agenda dan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan dengan moto “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”. KWP mempunyai visi

untuk menjadi Peneraju Ke Arah Menjadi Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera Menjelang Tahun 2020.

10. Pastinya perkara ini agar sukar untuk direalisasikan sekiranya kita bergerak secara solo tanpa merangka jalinan sinergi dan kerjasama strategik dengan semua agensi yang telah sedia berfungsi mengikut bidang kuasa, kepakaran dan pengalaman masing-masing.

11. Beberapa prasarana dan kemudahan akan disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk manfaat penduduk di Labuan. Antaranya pembinaan jambatan

yang akan menghubungkan Labuan dan tanah besar di Sabah iaitu Menumbok.

Hadirin-hadirat sekalian,

12. Saya difahamkan MAIWP kini membantu seramai hampir 23,000 ketua keluarga di Wilayah Persekutuan setiap bulan dengan jumlah komitmen bulanan menerusi dana zakat sebanyak RM8 juta. Kita juga bekerjasama dengan MAIWP menyediakan tempat tinggal kepada golongan asnaf menerusi projek-projek perumahan di bawah KWP.

13. Tahniah sekali lagi kepada MAIWP yang telah berjaya menanamkan kesedaran

berzakat di kalangan umat Islam di Wilayah Persekutuan ini. Komitmen berterusan mereka dilihat telah membolehkan MAIWP melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bantuan demi menuaikan amanah para pembayar zakat ini.

14. Tunaikanlah zakat kepada MAIWP. Saya difahamkan sehingga Oktober 2019, jumlah kutipan zakat di Labuan adalah sebanyak RM6.27 Juta. Namun, MAIWP telah agihkan sebanyak RM12.67 Juta kepada asnaf di Labuan. Inilah manfaatnya apabila zakat dibayar kepada pihak berkuasa agama, dana tersebut dapat dikumpulkan dan diagihkan mengikut keperluan semasa.

**Ampun Tuanku,**

Demikianlah sahaja sembah ucapan patik dan patik sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua berangkat bercemar duli pada malam ini. Patik sudahi dengan iringan doa kehadrat Allah Subhanahu Wataala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua dan seluruh kerabat diraja tuanku dikurniakan kesejahteraan, kerahmatan dan dilanjutkan usia untuk dan terus menaungi negara Malaysia tercinta.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله  
Sekian، وبركاته

Menjunjung Kasih Tuanku.